

# Dr. Mahathir Bapa Perpaduan Nasional

UM - 9 SEP 2003

KOTA KINABALU 8 Sept.

— Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini diberi gelaran Bapa Perpaduan Nasional oleh Parti Bersatu Sabah (PBS) sebagai menghargai kepimpinan beliau yang berjaya menyatupadukan masyarakat majmuk di negara ini.

Presiden PBS, Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan berkata, walaupun menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan, dengan ketangkasan serta kebijaksanaan beliau, rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama terus hidup dalam suasana harmoni, aman dan makmur.

Katanya, tidak dinafikan selama 22 tahun ini perpaduan dan ketenteraman kaum terus menjadi tonggak kestabilan politik dan kemajuan ekonomi negara.

“Kita sangat menghargai peranan dan sumbangan Datuk Seri untuk menyatupadukan rakyat. Kita ingin melihat rakyat yang berbilang kaum dan agama terus hidup dalam suasana aman, damai dan bersatupadu.

“Oleh yang demikian, kita tidak ragu-ragu memberi gelaran Bapa Perpaduan Nasional kepada Dr. Mahathir atas kepimpinan beliau yang berjaya menyatupadukan rakyat majmuk di Malaysia,” katanya sambil disambut oleh tepukan gemuruh di kalangan kira-kira 1,000 perwakilan yang hadir.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian Perhimpunan Agung PBS kali ke-18 di Dewan Hongkod Koisaan, Penampang di sini, petang ini.

Hadir sama ialah Ketua Menteri, Datuk Musa Aman dan Setiausaha BN pusat, Tan Sri Mohamed Rahmat.